

# TYT: GRADUAN PERLU KOMPETEN DENGAN KEPERLUAN SEMASA

NST 24.11.2013 1

OLEH BALQIS JAMALUDIN

balqis@newsabatimes.com.my

KOTA KINABALU: Yang Dipertua Negeri, Tun Juhar Mahiruddin mengingatkan para graduan bahawa mereka perlu bersaing untuk menempatkan diri dalam kalangan graduan yang bukan sahaja cemerlang bahkan kompeten dengan keperluan semasa.

Katanya, setiap tahun, puluhan ribu graduan dilahirkan daripada pelbagai Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di seluruh negara.

Tun Juhar yang juga Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) berkata, dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10), Petunjuk Prestasi Utama (KPI) IPTA ialah kebolehpasaran graduan yang merujuk bukan sahaja dalam melahirkan bakal graduan yang mampu berdepan dengan pelbagai cabaran, antaranya mencari pekerjaan, bahkan dalam konteks yang lebih besar ialah melahirkan modal insan berkualiti tinggi yang diperlukan negara.

"Para graduan perlu menitikberatkan beberapa kemahiran yang harus dikuasai ketika berada di kampus supaya dapat

berdepan dengan cabaran dalam mencari pekerjaan.

"Gelanggang persaingan yang ada di depan mata hendaklah diisi dengan keyakinan, pengetahuan dan kemahiran," kata Tun Juhar ketika berucap sempena Majlis Konvokesyen ke-15 UMS, di Dewan Canselor UMS, di sini, kelmarin.

Dalam pada itu katanya, banyak usaha yang telah diambil oleh pihak Kementerian Pendidikan dan universiti-universiti awam dengan memberi penekanan dan meningkatkan lagi kebolehpasaran graduan dengan memperhebatkan lagi program-program bagi melengkapkan siswazah dengan nilai tambah agar mereka lebih 'marketable' dan 'employable' dalam pasaran tempatan mahupun antarabangsa seperti Latihan Industri, Apprenticeship, Finishing School dan Latihan Keusahawanan.

Selain itu katanya, salah satu aspek penting yang perlu diberi perhatian ialah kemahiran insaniah atau soft skills di mana ia antara isu yang menjadi fokus utama dalam pengajian universiti-universiti tempatan, sama ada secara langsung atau tidak.

"Berdasarkan situasi global pasaran kerja pada masa kini, majikan-majikan bukan sahaja memerlukan pekerja yang mem-


punyai kelayakan akademik semata-mata, bahkan mampu menguasai pelbagai kemahiran seperti kemahiran berkomunikasi, kerja berpasukan, emnyelesaikan masalah, kepimpinan, pengurusan selain bijak dan memiliki kebolehan berfikir, bertindak secara tuntas, pantas dan praktikal," katanya.

Sementara itu, Tun Juhar turut merakamkan penghargaannya kepada mantan Pengerusi Lembaga Pengarah UMS yang pertama, Tan Sri Abdul Hamid Egoh, yang telah berkhidmat selama 18 tahun sejak tahun 1995 hingga 2013.

Juga, Tun Juhar turut menyampaikan ucapan tahniah kepada Pengerusi Lembaga Pengarah yang baru dilantik, Tun Zaki Tun Azmi.

Selain itu, Tun Juhar juga menyampaikan ucapan tahniahnya kepada penerima anugerah Profesor Emeritus, Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin dan Profesor Dr. Sabihah Osman, serta Tan Sri Abdul Hamid Egoh yang dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pengurusan).

Di samping itu, Majlis Konvokesyen ke-15 itu turut menyaksikan seramai 4,553 graduan menerima skrol masing-masing dalam enam sidang yang berlangsung selama tiga hari bermula pagi kelmarin (23 November).



TAN Sri Hamid (kiri) menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pengurusan) daripada Tun Juhar.

MAY Liu Siaw Mei menerima Ijazah Doktor Falsafah daripada Tun Juhar.

PROF Mohd Noh menerima Profesor Emeritus.